
PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM HAFAZAN MURID ASRAMA HARIAN KPM - FELDA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Edisi : **2018**



*Unit Pengurusan Asrama Harian
Sektor Pengurusan Kesihatan Intervensi & Asrama (SPKIA)
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Sektor Operasi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia*

Isi Kandungan

ISI KANDUNGAN	Muka Surat
BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG PROGRAM	3
BAHAGIAN 2 : PENGURUSAN	
2.1 Jawatankuasa Pelaksana	5
2.2 Peranan Pengurusan	5
2.3 Garis Masa Pelaksanaan	7
BAHAGIAN 3 : PELAKSANAAN	
3.1 Proses Kerja Pelaksanaan	8
3.2 Agihan Kumpulan	9
3.3 Peruntukan Waktu Hafazan	9
BAHAGIAN 4 : MODUL HAFAZAN	11
BAHAGIAN 5 : PANDUAN DAN KAEDAH HAFAZAN (<i>Sebelum, Semasa, Selepas & Kaedah Menghafaz</i>)	13
BAHAGIAN 6 : PENILAIAN DAN PELAPORAN	
6.1 Penilaian	
A. Pra Penilaian	15
B. Penilaian Berterusan	16
C. Penilaian Akhir	16
6.2 Pelaporan	
A. Laporan Awal Tahun	17
B. Laporan Akhir Tahun	17
GLOSARI	18
SENARAI LAMPIRAN	19
LAMPIRAN	31
PANEL SEMAKAN	33



**PROGRAM HAFAZAN
MURID ASRAMA HARIAN
KPM – FELDA
Edisi 2018**

BAHAGIAN 1 : LATARBELAKANG PROGRAM

1. Program Hafazan Murid Asrama Harian Kementerian Pendidikan Malaysia – FELDA (HAFAZAN KPM-FELDA) merupakan satu daripada aktiviti di bawah Program Induk Kecemerlangan Akademik Murid FELDA menggunakan Peruntukan Akaun Amanah Pendidikan Kecemerlangan Akademik Sekolah-sekolah FELDA.
2. Pelaksanaan Hafazan KPM-FELDA diluluskan dalam Mesyuarat Akaun Amanah Pendidikan Kecemerlangan Akademik Sekolah-sekolah FELDA Bil 1/2017 bertarikh 27 Januari 2017 dengan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM83,000.00 untuk pelaksanaan 2017.
3. Program ini merupakan program rintis dan dilaksanakan di 10 buah asrama harian dalam Wilayah FELDA (2 Sekolah Rendah & 8 Sekolah Menengah) melibatkan 7 buah negeri (Johor, Pahang, Kedah, Terengganu, Kelantan, Negeri Sembilan & Selangor)
4. Garis Panduan dan Modul Hafazan KPM-FELDA ini telah disediakan melalui Bengkel Penyediaan Modul pada 11 – 13 April 2017 di FELDA Residence, Trolak, Perak melibatkan 10 orang GPK HEM sekolah rintis dan 20 orang Pegawai Pembimbing daripada FELDA.
5. Arahan Pelaksanaan adalah melalui surat :
 - i. Pelaksanaan Program Hafazan Murid Asrama Harian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) – FELDA 2017, rujukan KPMSPP.600-10/26/4 Jld. 16 (64) bertarikh 28 April 2017
6. Mesyuarat bersama Jabatan Pendidikan FELDA pada 23 Januari 2018 telah bersetuju supaya program ini telah diperluaskan kepada 16 buah asrama harian lagi pada 2018 menjadikan jumlah asrama yang melaksanakan program Hafazan KPM-FELDA ini kepada 26 buah asrama.

MATLAMAT

Melahirkan murid asrama yang mempunyai sahsiah terpuji, mengamalkan penghayatan Islam yang kukuh dan mempunyai keyakinan hidup bermasyarakat apabila keluar dari alam persekolahan

OBJEKTIF

- i. Murid dapat menghafaz dan menguasai sekurang-kurangnya Modul Tahap 1 bagi Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah.
- ii. Murid dapat mengetahui maksud dan terjemahan surah/wirid/doa yang dihafaz.
- iii. Murid mampu memimpin bacaan doa, wirid dan tahlil.
- iv. Murid mampu melaksana dan mengimamkan solat berjamaah serta solat jenazah.

TAARIF

Program Hafazan Murid Asrama Harian KPM ialah program yang menumpukan kepada penguasaan membaca dan menghafaz perkara-perkara asas seperti surah-surah pilihan, wirid harian selepas solat dan doa-doa yang ma'thur sepanjang tahun.

KUMPULAN SASARAN

- I. Murid beragama Islam yang tinggal di asrama sekolah harian di bawah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan Malaysia.
- II. Asrama Sekolah Rendah
 - Murid Tahap 2 (Tahun 4 hingga Tahun 6)
- III. Asrama Sekolah Menengah
 - Murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6

KPI (Key Performance Indicator)

1. Pengurangan bilangan murid yang tidak boleh membaca al-Quran.
 2. Peningkatan bilangan murid dari tahap 1 ke tahap 2
 3. Peningkatan bilangan murid dari tahap 2 ke tahap 3
 4. Peningkatan bilangan murid dari tahap 3 ke tahap 4
 5. Peningkatan bilangan murid dari tahap 4 ke tahap 5
6. Peningkatan bilangan murid MENGUASAI semua tahap (Selesai Tahap 3 sekolah rendah atau Selesai Tahap 5 sekolah menengah).

BAHAGIAN 2 : Pengurusan

2.1 Jawatankuasa Pelaksana

KEMENJADIAN MURID ASRAMA TANGGUNGJAWAB BERSAMA ! Perkara ini diterjemahkan melalui Transformasi Asrama Harian 2013-2020 dengan penglibatan menyeluruh pihak sekolah, asrama, ibubapa, dan masyarakat dalam membangunkan sahsiah murid di asrama. Program Hafazan KPM-FELDA ini adalah **DIWAJIBKAN** kepada semua murid beragama Islam di asrama harian dalam wilayah FELDA. Pelaksanaan program ini hendaklah dirancang, dilaksanakan, dipantau dan dilaporkan dengan teratur melalui satu jawatankuasa yang dilantik dan bukan diletakkan kepada hanya satu pihak sahaja. Cadangan Jawatankuasa adalah seperti di bawah dan pihak pengurusan boleh membuat penyelarasan mengikut kesesuaian sekolah.

JAWATANKUASA PELAKSANA PROGRAM HAFAZAN MURID ASRAMA HARIAN KPM - FELDA

Pengerusi	:	Pengetua / Guru Besar
Naib Pengerusi 1	:	PK Hal Ehwal Murid
Naib Pengerusi 2	:	PK Pentadbiran
Penyelaras (S/U)	:	Ketua Panitia Pendidikan Islam
Pen. Penyelaras	:	Guru Pendidikan Islam
AJK	:	Guru Pembimbing
		Guru Bimbingan & Kaunseling (B&K)
		Guru Penolong
		Warden
		Penyelia Asrama
		Pegawai Pembimbing FELDA

2.2 Peranan Pengurusan

A. Pengetua / Guru Besar Bertanggungjawab :

- i. Mewujudkan Jawatankuasa Pelaksana Program.
- ii. Memberikan taklimat khusus kepada semua guru, personel asrama, waris dan komuniti berkaitan program.
- iii. Memastikan program ini dilaksanakan dengan penglibatan **SEMUA** guru.
- iv. Memastikan pemantauan pelaksanaan program dilaksanakan. (LAMPIRAN 8)
- v. Mengesahkan laporan dan perekodan yang dibuat oleh penyelaras program.

B. Penyelaras Program (PK HEM/Guru Yang Dilantik)

- i. Merancang, melaksana, memantau dan melaporkan pelaksanaan program dengan dibantu oleh Setiausaha
- ii. Mengadakan mesyuarat dan perbincangan pelaksanaan Program Hafazan Murid Asrama Harian KPM – FELDA.
- iii. Menyediakan perancangan dan jadual kerja serta peranan dan fungsi JK serta guru-guru lain.
- iv. Menyelaraskan tugas guru, Pegawai/Guru Pembimbing yang dilantik, Pegawai Pembimbing FELDA, ketua/naqib usrah dan murid turus yang dilantik membimbing bacaan dan hafazan.
- v. Menyediakan rekod dan pelaporan pencapaian.
- vi. Memastikan semua dokumen / rekod / data pelaksanaan dikemaskini dan memastikan penghantaran maklumat/borang ke JPN/KPM adalah mengikut masa yang ditetapkan.

C. Guru Pembimbing(**SEMUA GURU**, Pegawai Pembimbing FELDA, guru Pendidikan Islam, guruyang dilantik, ketua/naqib usrah dan murid turus yang dilantik)

- i. Mengenal pasti kemahiran bacaan Al-Quran murid.
- ii. Mengenalpasti Tahap Penguasaan Murid (Pemulihan @ Hafazan)
- ii. Mengenalpasti tahap awal hafazan, merekodkan TOV dan ETR murid.
- iii. Membantu dan membimbing murid.
- iv. Membimbing kelas pemulihan.

D. Warden

- i. Memastikan murid bersedia (Kebersihan diri, pemakaian dan persediaan rohani jasmani) untuk mengikuti program.
- ii. Memantau keberadaan murid dalam program.

E. Penyelia Asrama

- i. Menyediakan tempat, kemudahan dan peralatan untuk pelaksanaan program

2.3 Garis Masa Pelaksanaan

Perkara	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogs	Sep	Okt	Nov	Dis
Taklimat dan Bengkel Pelaksanaan Program Hafazan Murid Asrama Harian, KPM-FELDA		√										
Mesyuarat Jawatankuasa pelaksanaan Program Hafazan Murid Asrama Harian, KPM-FELDA peringkat sekolah		√										
Saringan / TOV		√										
Penyediaan kertas kerja		√										
Penghantaran Kertas Kerja												
i. Ke JPN Pada/Sebelum 31 Januari Tahun Semasa		√										
ii. Ke KPM Pada/Sebelum 15 Januari Tahun Semasa												
Pelaksanaan Program												
• Kelas pemulihan												
• Talaqqi dan Hafazan		√	√	√	√	√	√	√	√	√		
• Tasmi' (Pengesahan Tahap)												
• Muraja'ah (Ulangkaji)												
Penghantaran Laporan Akhir (Pencapaian)												
i. Ke JPN Pada/Sebelum 31 Oktober Tahun Semasa										√	√	
ii. Ke KPM Pada/Sebelum 15 November Tahun Semasa												

BAHAGIAN 3 : Pelaksanaan

3.1 Proses Kerja Pelaksanaan

PROSES KERJA PELAKSANAAN PHMA KPM-FELDA	
Proses Kerja	Tindakan
1. Taklimat dan Bengkel Pelaksanaan Program Hafazan Murid Asrama Harian KPM_FELDA	JPN / PPD / Sekolah
2. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Program Hafazan Murid Asrama Harian KPM-FELDA Peringkat Sekolah (Perancangan, KPI, Pelaksanaan, Agihan Tugas)	Pengetua / G. Besar
3. Taklimat Pelaksanaan Program Kepada semua Guru, Murid Asrama, Ibadat	PK HEM / Penyelaras Program
4. Pra Pelaksanaan (Saringan / TOV) Saringan Pelajar kepada 2 kumpulan iaitu : i) Kumpulan Pemulihan ii) Kumpulan Hafazan	Penyelaras Program / J/Kuasa & Guru Pembimbing
5. Gagal Saringan : Murid Akan Mengikuti Modul Iqra Berjaya : Murid Akan Mengikuti Modul Hafazan	Penyelaras Program / J/Kuasa & Guru Pembimbing
6. Penyediaan Kertas Kerja (LAMPIRAN 1) (Perancangan, Takwim, KPI, TOV)	PK HEM / Penyelaras Program
7. Penghantaran Kertas Kerja & Laporan Awal (TOV) i. Kertas Kerja ii. Rumusan Pelaksanaan (LAMPIRAN 2) iii. Senarai Sekolah & Bilangan Murid (P&H) (LAMPIRAN 3) iv. Bilangan Murid Ikut Tahap Hafazan (LAMPIRAN 4(a) @ (LAMPIRAN 4(b))	PK HEM / Penyelaras Program / JPN
Ke JPN : (Pada/Sebelum 31 Januari Tahun Semasa) Ke KPM : (Pada/Sebelum 15 Februari Tahun Semasa)	
8. Pelaksanaan Program • Kelas pemulihan • Talaqqi dan Hafazan • Tasmi' (Pengesahan Tahap) • Muraja'ah (Ulangkaji) (LAMPIRAN 5) (LAMPIRAN 6)	Penyelaras Program / J/Kuasa & Guru Pembimbing

(LAMPIRAN 7 (a)) - SK
 (LAMPIRAN 7 (b) m/s 1/2) - SMK
 (LAMPIRAN 7 (b) m/s 2/2) - SMK

9. Penghantaran Laporan Akhir (Status Pencapaian)

*PK HEM /
 Penyelaras
 Program / JPN*

- i. Rumusan Pelaksanaan (LAMPIRAN 2)
- ii. Senarai Sekolah & Bilangan Murid (P&H)
 (LAMPIRAN 3)
- iii. Bilangan Murid Ikut Tahap Hafazan
 (LAMPIRAN 4(a) @ (LAMPIRAN 4(b))

Ke JPN : (Pada/Sebelum 31 Oktober Tahun Semasa)
 Ke KPM : (Pada/Sebelum 15 November Tahun Semasa)

3.2 Agihan Kumpulan

- a. Pembahagian kumpulan dilakukan oleh pihak sekolah dengan mengenal pasti murid yang menguasai dan tidak menguasai melalui Proses Saringan.
- b. Dipecahkan kepada 2 kumpulan :

Tidak Menguasai – tidak mengenal huruf, tidak boleh membaca, tidak mengenal huruf dan kesukaran untuk menghafal. Kumpulan murid ini mengikuti Kelas Pemulihan menggunakan Modul Iqra' sedia ada. Murid perlu boleh membaca Al-Quran sebelum boleh mengikuti Program Hafazan.

Menguasai – boleh membaca dan berkebolehan untuk menghafal. Kumpulan murid ini mengikuti Program Hafazan.

3.3 Peruntukan Waktu Hafazan

Waktu yang diperuntukkan bagi pelaksanaan program ini boleh diselaraskan mengikut perancangan sekolah. Namun begitu melalui Surat Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM bertajuk Penambahbaikan Aktiviti Pembangunan Sahsiah Murid Di Asrama Harian Kementerian Pendidikan Malaysia, rujuk KP(BPSH-SPKIA)703/17(18) bertarikh 3 April 2014 yang menetapkan Solat Maghrib, Isyak dan Subuh hendaklah dilaksanakan secara berjemaah dan diwujudkan masa kualiti untuk murid asrama iaitu hari Sabtu/Jumaat tidak pulang bermalam dari jam 8.00 pagi sehingga jam 11.00 pagi, maka pihak sekolah diminta untuk memanfaatkan waktu-waktu tersebut dengan pengisian program ini. Cadangan waktu hafazan ialah seperti di bawah :

- a. Selepas solat berjemaah Maghrib sementara menunggu Isyak
- b. 15 minit selepas solat Isyak – murid yang menguasai membimbing murid yang tidak menguasai, dibawah pengawasan Imam / ustaz / warden
- c. 15 minit sebelum tidur, dilakukan secara berpasangan (seorang murid membaca dan seorang lagi murid mendengar dan begitu sebaliknya)
- d. 15 minit selepas solat Subuh (bergantung kepada keadaan murid – Murid sesi pagi/petang, Hari Cuti)
- e. Waktu Kualiti Asrama (8.00 pagi – 11.00 pagi) setiap Sabtu/Jumaat tidak pulang bermalam (Boleh diselaraskan dengan jadual sekolah)
- f. Waktu Senggang Murid (sepanjang masa)

Contoh Aktiviti Hafazan & Pemulihan

MINGGU 1

BIMBINGAN Bersama Pegawai Pembimbing / Guru Agama

Masa	Program Hafazan	Kelas Pemulihan
2 jam pertama	Teori mengenal simbol-simbol dalam Al-Quran Rasm Uthmani, mengenal huruf hijaiyyah dan membetulkan sebutan kepada semua murid	Teori mengenal simbol-simbol dalam Al-Quran Rasm Uthmani, mengenal huruf hijaiyyah dan membetulkan sebutan kepada semua murid (Menggunakan Modul Iqra')
2 jam berikut	Latih tubi (Talaqqi Musyafahah)	Latih tubi (Talaqqi Musyafahah)

MINGGU 2

TASMIK Bersama Pegawai Pembimbing / Guru Agama

Masa	Program Hafazan	Kelas Pemulihan
2 jam pertama	Terus kepada hafazan dan ujian menghafaz Bagi murid yang menguasai akan terus ke surah yang berikutnya, manakala murid yang tidak menguasai hafazan akan mengulang balik sehingga menguasai bacaan dan hafazan	Teori mengenal simbol-simbol dalam Al-Quran Rasm Uthmani, mengenal huruf hijaiyyah dan membetulkan sebutan kepada semua murid (Menggunakan Modul Iqra')
2 jam berikut	Latih tubi (Talaqqi Musyafahah)	Latih tubi (Talaqqi Musyafahah)

BAHAGIAN 4 : Modul Hafazan

- 4.1 Modul ini disusun sebagai panduan dan rujukan kepada murid dan penilai. Modul ini terdiri daripada 3 (TIGA) Tahap Penguasaan bagi Sekolah Rendah dan 5 (LIMA) Tahap Penguasaan bagi Sekolah Menengah yang disusun berdasarkan aras penguasaan murid :

A. MODUL SEKOLAH RENDAH

T A H A P 1	Surah Hafazan				
	Surah al-Fatihah	Surah al-Naas	Surah al-Falaq	Surah al-Ikhlash	Surah al-Masad
	Surah al-Nasr	Surah al-Kaafirun	Surah al-Kauthar	Surah al-Maa'uun	Surah al-Quraisy
	Surah al-Fiil	Surah al-Humazah	Surah al-'Asr	Surah al-Takathur	Surah al-Qari'ah
	Surah al-'Aadiyaat	Surah al-Zalzalah	Azan dan Iqamah	Wirid dan doa asas selepas solat fardu	
T A H A P 2	Surah Hafazan				
	Surah al-Bayyinah	Surah al-Qadr	Surah al-'Alaq	Surah al-Tiin	Surah al-Syarh
	Surah al-Dhuha	Surah al-Lail.	Surah al-Shams	Surah al-Balad	Surah al-Fajr
	Surah al-Ghasyiah	Surah al-A'la	Surah al-Tariq	Jawab azan dan iqamah	
	Wirid dan doa asas selepas solat fardu				
T A H A P 3	Surah Hafazan				
	Surah al-Buruj	Surah al-Inshiqaq	Surah al-Mutaffifin	Surah al-Infitar	Surah al-Takwir
	Surah 'Abasa	Surah al-Nazi'at	Surah al-Naba'	Doa selepas Azan dan Iqamah	
	Wirid dan doa selepas solat fardu				

B. MODUL SEKOLAH MENENGAH

T A H A P 1	Surah Hafazan				
	Surah al-Fatihah	Surah Al-Nas	Surah Al-Falaq	Surah al-Ikhlas	Surah al-Masad
	Surah Al-Nasr.	Surah al-Kafirun	Surah al-Kauthar	Surah al-Ma'un	Surah Quraisy
	Surah al-Fil	Surah al-Humazah	Surah al-'Asr	Surah al-Takathur	Surah al-Qari'ah
	Surah al-Zalzalah	Surah al-'Aadiyaat	Surah al-Bayyinah	Surah al-Qadr	Surah al-'Alaq
	Surah al-Tin	Surah al-Inshirah	Surah al-Dhuha	Lafaz azan dan iqamah	
	Wirid dan doa selepas solat fardu				
T A H A P 2	Surah Hafazan				
	Surah al-Lail/	Surah al-Shams	Surah al-Balad/	Surah al-Fajr	Surah al-Ghasyiah/
	Surah al-Tariq	Surah al-A'la/	Surah al-Buruj	Surah al-Inshiqaq	Surah al-Mutaffifin
	Surah al-Infitar	Surah al-Takwir	Surah 'Abasa	Surah al-Nazi'at	Surah al-Naba'
	Jawab azan dan iqamah	Doa selepas azan dan iqamah	Tahlil & Doa		
T A H A P 3	Surah Hafazan				
	Surah al-Waqi'ah (ayat 1 – 24)	Surah al-Waqi'ah (ayat 25 – 50)	Surah al-Waqi'ah (ayat 51 – 74)	Surah al-Waqi'ah (ayat 75 – 96)	Surah al-Sajdah (ayat 1 – 15)
	Surah al-Sajdah (ayat 16 – 30)	Surah al-Insan (ayat 1 – 15)	Surah al-Insan (ayat 16 – 31)	Lafaz, Niat & Doa Solat Jenazah	Doa-doa pilihan,
T A H A P 4	Surah Hafazan				
	Surah Nuh (ayat 1-10)	Surah Nuh (ayat 11-20)	Surah Nuh (ayat 21-28)	Surah al-Saff (ayat 1-7)	Surah al-Saff (ayat 8-14)
	Surah al-Jumuah (ayat 1-11)	Surah al-Munafiqun (ayat 1-11)	Doa tambahan & pilihan selepas solat fardhu		
T A H A P 5	Surah Hafazan				
	Surah al Mulk (1-15)	Surah al Mulk (16-30)	Surah Yasin (1-20)	Surah Yasin (21-40)	Surah Yasin (41-60)
	Surah Yasin (61-83)	Surah al Dukhan ayat (1–20)	Surah al Dukhan ayat 21 – 45	Surah al Dukhan ayat 46 – 59	Doa Pilihan

BAHAGIAN 5 : Panduan & Kaedah Hafazan

5.1 Pendahuluan

Menghafaz Al-Quran merupakan aktiviti yang dikira sebagai ibadah, oleh itu penjagaan dan perhatian kepada adab-adab bersama Al-Quran amat dititik beratkan. Di antara adab dan kaedah menghafaz Al-Quran yang perlu diikuti oleh semua murid ialah:

5.2 Sebelum Menghafaz

1. Niat menghafaz untuk mencari keredhaan Allah.
2. Membaca doa dan taawudz.
3. Memiliki Al-Quran Rasm Uthmani dan berkekalan menggunakannya.
4. Sentiasa menunaikan solat fardhu diawal waktu.
5. Sentiasa menunaikan solat sunat Tahajjud.
6. Yakin bahawa Allah sentiasa memberi rahmat kepada orang yang menghafaz Al-Quran.
7. Memilih tempat yang sesuai dan sunyi daripada sebarang gangguan.
8. Pastikan diri dalam keadaan segar, tidak letih, tidak penat dan terlalu runsing.

5.3 Semasa menghafaz

1. Mengetahui surah-surah, wirid dan doa yang akan dihafaz.
2. Mengulangi bacaan sekurang-kurangnya sepuluh kali bagi melancarkannya.
3. Memulakan hafazan setelah lancar bacaan.
4. Bertalaqqi dan bermusyafahah (bersemuka dan membaca dihadapan guru) bagi memastikan tidak berlaku kesalahan baris, waqaf ibtida' dan hukum hakam tajwid.
5. Gunakan penunjuk atau jari untuk menunjuk setiap huruf dan kalimah yang dibaca.
6. Setelah lancar ayat pertama, pindah kepada ayat yang kedua.
7. Sebelum berpindah kepada ayat yang ketiga ulang semula ayat yang pertama dan kedua.
8. Gunakan alat bantuan seperti kaset, CD dan sebagainya untuk memantapkan bacaan dan hafazan.
9. Rehat sebentar ketika penat.
10. Mengulang hafazan setiap kali selepas solat fardhu lima waktu.

Kaedah Menghafaz

Langkah	Kaedah
LANGKAH 1	Mengetahui Surah/Wirid/Doa yang hendak dihafaz
LANGKAH 2	Mengulangi bacaan surah/ayat sekurang-kurangnya 10 KALI
LANGKAH 3	Mulakan Hafazan
LANGKAH 4	Bertalaqqi dan bermusyafahah
LANGKAH 5	Setelah lancar ayat pertama baru pindah kepada ayat kedua
LANGKAH 6	Sebelum berpindah kepada ayat ke tiga, ulang semula ayat yang pertama dan kedua sebanyak 10 KALI

5.4 Selepas menghafaz

1. Memperdengarkan bacaan kepada guru (tasmi')
2. Sentiasa mengulangi ayat yang telah dihafaz.
3. Membaca ayat-ayat yang dihafaz ketika solat.
4. Sentiasa mematuhi perintah Allah.
5. Menghindari diri dari perkara-perkara maksiat.
6. Menghafaz secara tadabbur iaitu menghayati maksud, hukum dan pengajaran yang terdapat dalam ayat yang dibaca.
7. Sentiasa berdoa semoga hafazan dapat dikekalkan.

BAHAGIAN 6 : Penilaian & Pelaporan

6.1 Penilaian

Pelaksanaan Program Hafazan ini memerlukan tiga jenis penilaian yang perlu dilakukan oleh pihak pengurusan asrama iaitu :

A. Pra Penilaian

- i. Pra penilaian bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan hafazan setiap murid sebelum mengikuti modul yang disediakan (TOV). Pihak pengurusan asrama mengenalpasti surah, doa dan wirid yang telah dihafaz oleh murid, seterusnya menetapkan tahap murid tersebut.
- ii. Untuk mengenalpasti murid menguasai atau tidak menguasai bacaan (Boleh atau Tidak Boleh Membaca)
- iii. Murid yang tidak boleh membaca Al-Quran akan mengikuti Kelas Pemulihan menggunakan Modul IQRA' manakala yang lain akan meneruskan Program Hafazan.
- iv. Murid Hafazan akan diminta untuk menghafaz doa/wirid/surah yang terkandung di dalam Tahap 1 (Samada Rendah atau Menengah) di hadapan guru. Sekiranya murid tersebut dapat menghabiskan semua hafazan yang ditetapkan dalam tahap tersebut, maka murid boleh beralih ke Tahap 2. Begitulah seterusnya sehingga murid tersebut sampai kepada tahap di mana murid belum menguasai kesemua doa/wirid/surah yang ditetapkan dalam tahap tersebut. Dari situ murid akan mula mengikuti program ini sebagai TOV masing-masing.
- v. Tahap Hafazan (TOV) dicatatkan dalam Rumusan Pencapaian (*LAMPIRAN 6*).

B. Penilaian Berterusan

- i. Penilaian ini merupakan penilaian untuk mengesahkan seseorang murid tersebut telah berjaya menghafaz sesuatu doa/wirid/surah yang ditetapkan dalam mana-mana tahap mereka berada.
- ii. Penilaian ini dilaksanakan sepanjang masa dan pengesahan ini boleh dilakukan oleh mana-mana guru yang berkemahiran. Murid boleh berjumpa dengan mana-mana guru untuk memperdengarkan hafazan mereka dan mendapatkan pengesahan daripada guru tersebut. Guru akan merekod pengesahan menggunakan format Rekod Pencapaian Individu (LAMPIRAN 7(a) - Sekolah Rendah) atau LAMPIRAN 7(b) m/s 1/2 @ LAMPIRAN 7(b) m/s 2/2 – Sekolah Menengah.
- iii. Murid akan dibekalkan dengan Borang Rekod Pencapaian Individu (LAMPIRAN 7(a) - Sekolah Rendah) atau LAMPIRAN 7(b) m/s 1/2 @ LAMPIRAN 7(b) m/s 2/2 – Sekolah Menengah sebagai rekod dan rujukan murid.
- iv. Rekod ini akan dibawa bersama oleh murid sekiranya mereka bertukar sekolah atau memulakan sesi persekolahan di sekolah menengah.
- v. Hafazan murid juga perlu disemak kembali mengikut keperluan di tahap hafazan yang telah dikuasai untuk memastikan mereka tidak lupa dengan hafazan yang lepas.

C. Penilaian Akhir

Apabila seseorang murid telah menghabiskan hafazan semua doa/wirid/surah yang ditetapkan dalam sesuatu tahap, penyelaras program hendaklah memastikan dan merekod data pencapaian murid mengikut tahap yang ditetapkan untuk membolehkan murid meneruskan hafazan ke tahap berikutnya.

6.2 Pelaporan

Perancangan dan pelaporan hendaklah disediakan menggunakan format yang ditetapkan. Laporan ini hendaklah disediakan dan disimpan di pejabat Penyelia Asrama. Laporan awal dan akhir juga perlu dihantar JPN / KPM mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

A. Laporan Awal Tahun

1. Perkara / Dokumen yang perlu disediakan pada awal tahun :

- i. Kertas Kerja
- ii. Rumusan Pelaksanaan (*LAMPIRAN 2*)
- iii. Senarai Sekolah & Bilangan Murid (P&H) (*LAMPIRAN 3*)
- iv. Bilangan Murid Ikut Tahap Hafazan
(*LAMPIRAN 4(a) @ (LAMPIRAN 4(b))*)

Ke JPN : (Pada/Sebelum 31 Januari Tahun Semasa)

Ke KPM : (Pada/Sebelum 15 Februari Tahun Semasa)

2. Dokumen Lain (*LAMPIRAN 6*) &(*LAMPIRAN 7(a)) (LAMPIRAN 7(b))* perlu disediakan. Salinan disimpan di pejabat Penyelia Asrama.

B. Laporan Akhir Tahun

- 1. Pelaksanaan Program Hafazan ini bermula pada bulan Februari dan berakhir pada Oktober tahun semasa.
- 2. Pastikan semua Lampiran dilengkapi disemak dan dikemaskini. Dokumen ini hendaklah difailkan dan disimpan di Pejabat Penyelia Asrama untuk tujuan semakan / pemantauan PPD/JPN/KPM
- 3. Penghantaran Laporan Akhir (Status Pencapaian)

- i. Rumusan Pelaksanaan (*LAMPIRAN 2*)
- ii. Senarai Sekolah & Bilangan Murid (P&H) (*LAMPIRAN 3*)
- iii. Bilangan Murid Ikut Tahap Hafazan
(*LAMPIRAN 4(a) @ (LAMPIRAN 4(b))*)

Ke JPN : (Pada/Sebelum 31 Oktober Tahun Semasa)

Ke KPM : (Pada/Sebelum 15 November Tahun Semasa)

GLOSARI

Bil	Istilah	Maksud
1	<i>Matsur</i>	Lafaz doa yang diambil dari al-Quran atau hadis yang shahih.
2	<i>Naqib usrah</i>	Ketua yang dilantik bagi mengetuai kumpulan kecil perbincangan ilmiah dan keagamaan
3	<i>Murid turus</i>	Murid contoh yang mempunyai bacaan yang betul dan baik serta boleh dijadikan ikutan
4	<i>Azan</i>	Seruan dengan lafaz yang tertentu bagi mengetahui masuknya waktu solat fardhu
5	<i>Iqamah</i>	Lafaz tertentu bagi mengetahui solat akan didirikan
6	<i>Wirid</i>	Amalan harian dari ayat al-Quran dan zikir yang ditetapkan oleh seseorang bagi dirinya
7	<i>Taawudz</i>	Lafaz “Auzubillahi minas syaitanir rajim” اعوذ بالله من الشيطان الرجيم
8	<i>Rasm Uthmani</i>	Kaedah Penulisan mushaf al-Quran yang dipersetujui di zaman Uthman ibnu Affan
9	<i>Bertalaqqi</i>	Bersemuka dan berhadap dengan guru
10	<i>Bermusyafahah</i>	Memerhati dan meniru gerak bibir guru bagi sebutan yang betul
11	<i>Waqaf Ibtida’</i>	Kaedah memberhentikan bacaan dan memulakan bacaan
12	<i>Tajwid</i>	Ilmu mengetahui tempat keluar dan sifat huruf dan apa yang mesti daripada sifat mendatang
13	<i>Tasmi’</i>	Kaedah memperdengarkan bacaan hafazan kepada guru
14	<i>Tadabbur</i>	Memahami makna, memikirkan dan mengambil manfaat daripada isyarat dan peringatan al-Quran
15	<i>Murajaah</i>	Kaedah mengulang kaji hafazan
16	<i>Halaqah</i>	Kumpulan kecil yang diketuai oleh seorang ketua/naqib

SENARAI LAMPIRAN

BIL	ITEM
LAMPIRAN 1	FORMAT KERTAS KERJA PELAKSANAAN HMAKPMF
LAMPIRAN 2	RUMUSAN PELAKSANAAN HMAKPMF
LAMPIRAN 3	SENARAI SEKOLAH & BILANGAN MURID ASRAMA (P&H)
LAMPIRAN 4(a)	BILANGAN MURID MENGIKUT TAHAP HAFAZAN - RENDAH
LAMPIRAN 4(b)	BILANGAN MURID MENGIKUT TAHAP HAFAZAN - MENENGAH
LAMPIRAN 5	FORMAT REKOD KEHADIRAN MURIF HMAKPMF
LAMPIRAN 6	RUMUSAN PENCAPAIAN HAFAZAN (RENDAH/MENENGAH)
LAMPIRAN 7(a)	FORMAT REKOD PENCAPAIAN INDIVIDU (RENDAH)
LAMPIRAN 7(b)	FORMAT REKOD PENCAPAIAN INDIVIDU (MENENGAH)
LAMPIRAN 8	FORMAT PEMANTAUAN HMAKPMF



FORMAT KERTAS KERJA PELAKSANAAN PROGRAM HAFAZAN MURID ASRAMA HARIAN KPM - FELDA

Kandungan

1. Pengenalan / Latarbelakang (Sekolah & Asrama)
2. Ahli Jawatankuasa / Carta Organisasi Program
3. Senarai Pembimbing (Nama, Jawatan, Tempat Bertugas, email, No. HP)
4. KPI (Sasaran)
5. Peruntukan Waktu (Jadual Waktu / Masa Program dilaksanakan samada bersama pembimbing atau bersendirian)
6. Garis Masa Pelaksanaan
7. Proses Kerja / Carta Alir Pelaksanaan
8. Rumusan Pelaksanaan (LAMPIRAN 2)
9. Senarai Sekolah & Bilangan Murid (Pemulihan & Hafazan) (LAMPIRAN 3)
10. Bilangan Murid Mengikut Tahap Hafazan
(LAMPIRAN 4(a)) – Sekolah Rendah
(LAMPIRAN 4(b)) – Sekolah Menengah



**RUMUSAN PELAKSANAAN
PROGRAM HAFAZAN MURID ASRAMA HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

*Status Kumpulan Pemulihan / Hafazan
& Tahap Penguasaan Hafazan
Awal Tahun (TOV) / Akhir Tahun (PENCAPAIAN)*

Nama Sekolah / PPD / JPN :

PPD & Jabatan Pendidikan Negeri :

No. Telefon :

No. Fax :

E-Mail :

Bil. Murid
Pemulihan :

(L)

(P)

Jumlah

Bil Sekolah Terlibat :

Bil. Murid
Hafazan :

(L)

(P)

Jumlah

SK

SM

Jumlah

JUMLAH
BESAR :

(L)

(P)

JUMLAH

--	--	--

TAHAP PENGUASAAN HAFAZAN

Item	SEKOLAH RENDAH					@	SEKOLAH MENENGAH						
	T1	T2	T3	M	Jumlah		T1	T2	T3	T4	T5	M	Jumlah
Lelaki													
Perempuan													
JUMLAH													

***M : Menguasai Semua Tahap**

Disahkan oleh,

.....
(P/GB, PPD, PENGARAH)

Tarikh:

**Untuk Kegunaan Sekolah, PPD & JPN*

**SENARAI SEKOLAH & BILANGAN MURID ASRAMA
PROGRAM HAFAZAN MURID ASRAMA HARIAN KPM-FELDA**

[illegible]

LAMPIRAN 4(a)

BILANGAN MURID MENGIKUT TAHAP HAFAZAN (Sekolah Rendah)
PROGRAM HAFAZAN MURID ASRAMA HARIAN KPM-FELDA

Bil	Nama Sekolah / PPD / JPN / Wilayah FELDA	TAHAP 1			TAHAP 2			TAHAP 3			JUMLAH
		1-10 Surah	11-17 Surah	JUM	1 – 7 Surah	8 – 13 Surah	JUM	1 – 5 Surah	6 – 8 Surah	JUM	
1											
2											
3											
4											
JUMLAH SEKOLAH RENDAH											

LAMPIRAN 4(b)

BILANGAN MURID MENGIKUT TAHAP HAFAZAN (Sekolah Menengah)
PROGRAM HAFAZAN MURID ASRAMA HARIAN KPM-FELDA

Bil	Nama Sekolah / PPD / JPN / Wilayah FELDA	TAHAP 1			TAHAP 2			TAHAP 3			TAHAP 4			TAHAP 5			JUMLAH
		1-12 Surah	13-23 Surah	JUM	1 – 8 Surah	9 – 15 Surah	JUM	1 Surah	2 – 3 Surah	JUM	1 Surah	2 – 3 Surah	JUM	1-2 Surah	3 – 4 Surah	JUM	
1																	
2																	
3																	
JUMLAH SEKOLAH MENENGAH																	

**LAMPIRAN 5**

**FORMAT REKOD KEHADIRAN MURID
PROGRAM HAFAZAN MURID ASRAMA HARIAN KPM**

NAMA SEKOLAH :

PPD & JPN :

BULAN :

Bil	NAMA MURID	TARIKH KEHADIRAN										Catatan

DISAHKAN OLEH :

JAWATAN :

TARIKH :

**LAMPIRAN 6**

**RUMUSAN PENCAPAIAN HAFAZAN (RENDAH / MENENGAH)
PROGRAM HAFAZAN MURID ASRAMA HARIAN KPM**

NAMA SEKOLAH :
PPD & JPN :

KOD SEKOLAH :
TAHUN :

BIL	NAMA MURID	Tingkatan / Tahun	TOV / PENCAPAIAN						HAFAZAN TAMBAHAN		PEMULIHAN (P) / HAFAZAN (H)	MENGUASAI (semua tahap)	CATATAN
			AWAL TAHUN (TOV)		ETR		AKHIR TAHUN (Pencapaian)		Wirid & doa asas	Azan & iqamah			
			TAHAP	Bilangan SURAH	TAHAP	Bilangan SURAH	TAHAP	Bilangan SURAH					
1													
2													
3													
4													
5													
6													
7													
8													

DISAHKAN OLEH :

JAWATAN :

TARIKH:

LAMPIRAN 7(a)

**FORMAT REKOD PENCAPAIAN INDIVIDU (SEKOLAH RENDAH)
PROGRAM HAFAZAN MURID ASRAMA HARIAN KPM**

NAMA MURID : _____

TAHUN : _____

TAHAP 1				TAHAP 2				TAHAP 3			
PERKARA	Tanda √ menguasai keseluruhan	Tarikh menguasai keseluruhan	T. Tangan guru dan yang berkenaan	PERKARA	Tanda √ menguasai keseluruhan	Tarikh menguasai keseluruhan	T. Tangan guru dan yang berkenaan	PERKARA	Tanda √ menguasai keseluruhan	Tarikh menguasai keseluruhan	T. Tangan guru dan yang berkenaan
<i>Al-Fatihah</i>				<i>Al-Baiyinah</i>				<i>Al-Buruj</i>			
<i>Al-Nas</i>				<i>Al-Qadar</i>				<i>Al-Insyqaq</i>			
<i>Al-Falaq</i>				<i>Al-'Alaq</i>				<i>Al-Mutaffifin</i>			
<i>Al-Ikhlash</i>				<i>Al-Tin</i>				<i>Al-Infithar</i>			
<i>Al-Masad</i>				<i>Asy-Syarah</i>				<i>Al-Takwir</i>			
<i>Al-Nasr</i>				<i>Al-Dhuha</i>				<i>'Abasa</i>			
<i>Al-Kafirun</i>				<i>Al-Lail</i>				<i>Al-Nazi'at</i>			
<i>Al-Kautsar</i>				<i>Al-Shams</i>				<i>Al-Naba'</i>			
<i>Al-Ma'un</i>				<i>Al-Balad</i>							
<i>Quraisy</i>				<i>Al-Fajr</i>							
<i>Al-Fiil</i>				<i>Al-Ghasyiah</i>							
<i>Al-Humazah</i>				<i>Al-'Ala</i>							
<i>Al-Ashr</i>				<i>Al-Thoriq</i>				<i>* Hafazan Tidak Perlu Mengikut Turutan</i>			
<i>Al-Takathur</i>											
<i>Al-Qari'ah</i>											
<i>Al- 'Adiaat</i>											
<i>Al-Zalzalah</i>				<i>Wirid & doa</i>				<i>Wirid & doa</i>			
<i>Wirid & doa</i>				<i>Jawab Azan & Iqamah</i>				<i>Doa selepas Azan & Iqamah</i>			
<i>Azan & Iqamah</i>											

DISAHKAN OLEH :

JAWATAN :

TARIKH :

FORMAT REKOD PENCAPAIAN INDIVIDU (SEKOLAH MENENGAH)

PROGRAM HAFAZAN MURID ASRAMA HARIAN KPM

NAMA MURID : _____

TAHUN : _____

TAHAP 1				TAHAP 2				TAHAP 3			
PERKARA	Tanda √ menguasai keseluruhan	Tarikh menguasai keseluruhan	T. Tangan guru dan yang berkenaan	PERKARA	Tanda √ menguasai keseluruhan	Tarikh menguasai keseluruhan	T. Tangan guru dan yang berkenaan	PERKARA	Tanda √ menguasai keseluruhan	Tarikh menguasai keseluruhan	T. Tangan guru dan yang berkenaan
Al-Fatihah				Al-Lail				Al- Waqiah			
Al-Nas				As-Syams				Al- Sajdah			
Al-Falaq				Al-Balad				Al- Insan			
Al-Ikhlash				Al-Fajr							
Al-Masad				An-Ghasyiah				Lafaz niat solat jenazah			
An-Nasr				Al-'Ala				Doa dalam solat jenazah			
Al-Kafirun				Al-Tariq				Doa-doa pilihan			
Al-Kautsar				Al-Buruj							
Al-Ma'un				Al-Insyqaq							
Quraish				Al-Mutaffifin							
Al-Fiil				Al-Infithar							
Al-Humazah				Al-Takwir							
Al-Ashr				'Abasa							
At-Takathur				Al-Nazi'at							
Al-Qari'ah				Al-Naba'							
Al- 'Adiyat											
Al-Zalzalah								* Hafazan Tidak Perlu Mengikut Turutan			
Al-Bayyinah											
Al-Qadr											
Al-A'laq				Jawab Azan & Iqamah							
Al-Tiin											
Al-Insyirah				Doa Selepas Azan & Iqamah							
Al- Dhuha											
Lafaz Azan & Iqamah				Hafaz Tahlil & Doa							
Wirid & Doa Selepas Solat											

LAMPIRAN 7(b)(Ms 2/2)

BORANG PENCAPAIAN INDIVIDU (MENENGAH)
PROGRAM HAFAZAN MURID ASRAMA HARIAN KPM

NAMA MURID : _____

TAHUN : _____

TAHAP 4				TAHAP 5			
PERKARA	Tanda √ menguasai keseluruhan	Tarikh menguasai keseluruhan	T. Tangan guru dan yang berkenaan	PERKARA	Tanda √ menguasai keseluruhan	Tarikh menguasai keseluruhan	T. Tangan guru dan yang berkenaan
<i>Al-Nuh</i>				<i>Al- Mulk</i>			
<i>Al- Saff</i>				<i>Yaasin</i>			
<i>Al- Jumuah</i>				<i>Al- Dukhan</i>			
<i>Al- Munafiqun</i>				<i>Doa-doa pilihan</i>			
<i>Doa tambahan selepas solat fardhu</i>							
<i>Doa-doa pilihan</i>				* Hafazan Tidak Perlu Mengikut Turutan			

*Diisi oleh Guru/Pegawai Pembimbing/Penilai.

DISAHKAN OLEH :

JAWATAN :

LAMPIRAN 8

**FORMAT PEMANTAUAN
PROGRAM HAFAZAN MURID ASRAMA HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

NAMA SEKOLAH : PPD & JPN :

BIL	SENARAI SEMAK :	Laporan	BIL	SENARAI SEMAK :	Laporan
1	Borang/Buku Pencapaian Individu		6	Tasmi'	
2	Rekod Hafazan Murid (Ikut Tahap)		7	Kesesuaian Tempat	
3	Laporan Hafazan Murid Asrama		8	Disiplin / Komitmen Murid	
4	Kehadiran pelajar	<i>Kehadiran / Bilangan Murid</i>		Peralatan	
5	Keberadaan Guru				

ULASAN:

NAMA : **TARIKH :**
JAWATAN : **Masa :**

T/T Pemantau :	Disahkan oleh : Cop Jawatan:
----------------------	------------------------------------

**SENARAI SEKOLAH HARIAN BERASRAMA
WILAYAH FELDA
YANG MENYERTAI PROGRAM HAFAZAN KPM - FELDA**

BIL	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	JPN	PPD	WILAYAH FELDA	Penyertaan
1	BBA5020	SK SG TENGI	SELANGOR	PPD H. SELANGOR	TROLAK	2017
2	DBA8016	SK PERASU	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	KELANTAN	2017
3	CEA2029	SMK PULAU TAWAR	PAHANG	PPD JERANTUT	JENGKA	2018
4	CEA2051	SMK PPP TUN RAZAK	PAHANG	PPD JERANTUT	JENGKA	2018
5	CEA3055	SMK (FELDA) SG KOYAN	PAHANG	PPD LIPIS	MEMPAGA	2018
6	CEA4077	SM LEPAR UTARA	PAHANG	PPD JERANTUT	KUANTAN	2017
7	CEA7068	SMK BUKIT DAMAR	PAHANG	PPD TEMERLOH	MEMPAGA	2017
8	CEA9114	SMK (LKTP) JENGKA 2	PAHANG	PPD MARAN	JENGKA	2018
9	CEA9116	SMK (LKTP) KG. AWAH	PAHANG	PPD MARAN	JENGKA	2018
10	CEA9157	SMK JENGKA PUSAT	PAHANG	PPD MARAN	JENGKA	2018
11	CEA9165	SMK (LKTP) JENGKA 16	PAHANG	PPD MARAN	JENGKA	2017
12	CEA9166	SMK JENGKA 12	PAHANG	PPD MARAN	JENGKA	2018
13	CEAA156	SMK (FELDA) PURUN	PAHANG	PPD BERA	MEMPAGA	2018
14	DEA5420	SMK KEMAHANG	KELANTAN	PPD TANAH MERAH	GUA MUSANG	2018
15	DEA8002	SMK BANDAR CHIKU	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	GUA MUSANG	2018
16	DEA8007	SMK CHIKU 2	KELANTAN	PPD GUA MUSANG	GUA MUSANG	2018

17	JEA4034	SMK (FELDA) TENGGAROH	JOHOR	PPD MERSING	JOHOR BAHRU	2017
18	JEA4036	SMK NITAR	JOHOR	PPD MERSING	SEGAMAT	2017
19	KEA7018	SMK LUBOK MERBAU	KEDAH	PPD PADANG TERAP	ALOR SETAR	2018
20	KEEA105	SMK SUNGAI TIANG	KEDAH	PPD PENDANG	ALOR SETAR	2018
21	NEA6004	SMK JELAI	N. SEMBILAN	PPD KUALA PILAH	RAJA ALIAS	2018
22	NEA6006	SMK (FELDA) LUI BARAT	N. SEMBILAN	PPD JEMPOL/JELEBU	RAJA ALIAS	2017
23	NEA6010	SMK ALAM BERAJA	N. SEMBILAN	PPD JEMPOL/JELEBU	RAJA ALIAS	2018
24	TEA2021	SMK CHENEH BARU	TERENGGANU	PPD KEMAMAN	TERENGGANU	2018
25	TEA5037	SMK LANDAS	TERENGGANU	PPD H. TERENGGANU	TERENGGANU	2017
26	TEA5038	SMK MENERONG	TERENGGANU	PPD H. TERENGGANU	TERENGGANU	2018

PANEL SEMAKAN PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM HAFAZAN MURID ASRAMA HARIAN (Edisi 2018), KPM

Pengerusi : **PESOL BIN MD SAAD**
Timbalan Pengarah (Murid)
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

Timbalan Pengerusi : **NADZMAN BIN RADZALY**
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Pengurusan Kesihatan Intervensi & Asrama, BPSH
Kementerian Pendidikan Malaysia

Setiausaha : **BAHRIN BIN HAJI MASDUKI**
Ketua Unit Pengurusan Asrama
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM

Pen. Setiausaha : **HJH. JURAIDAH BINTI JALALUDDIN**
Penolong Pengarah
Unit Pengurusan Asrama, BPSH, KPM

Pakar Rujuk : **SAIFUL BAHRIN BIN ABU**
Timbalan Pengarah
Pengurusan Institusi Pendidikan Agama (PIPA)
Bahagian Pendidikan Islam, KPM

Ahli Panel

PN. SHARIFAH BINTI NOR
PK Hal Ehwal Murid
SMK (LKTP) Jengka 16, Maran, Pahang

EN. JAMIL BIN ADAM
PK Hal Ehwal Murid
SMK Sungai Tiang, Pendang, Kedah

EN. ROSLI BIN HJ. KABIL
Pegawai Asrama
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

NORSHUHADA BINTI BASRI
Guru Pendidikan Islam
SMK (FELDA) Lui Barat, Jempol/Jelebu, N. Sembilan

EN. SOHAIMI BIN JAMHARI
Pegawai Asrama
JPN Negeri Pahang

KHAIRUL FAHMI
Guru Pendidikan Islam
SK Sungai Tenggi, Hulu Selangor, Selangor

EN. HUSSIN BIN SULAIMAN
PK Hal Ehwal Murid
SK Perasu, Gua Musang, Kelantan

EN. ZUZAIMI BIN ZULKIFLI
PK Hal Ehwal Murid
SMK Lepar Utara, Jerantut, Pahang

EN. WAN AZHARI BIN WAN AWANG
PK Hal Ehwal Murid
SMK Landas Hulu Terengganu, Terengganu

HJ. BADARULHISHAM BIN YUSOF
PK Hal Ehwal Murid
SMK Bukit Damar, Temerloh, Pahang

EN. MANSURI BIN WARI
PK Hal Ehwal Murid
SMK Tenggaroh, Mersing, Johor